

PM: 'Barisan tiruan' ditubuh tipu rakyat

UM 25 SEP 2001

PULAU BRUIT, Sarikei 24 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata pembangkang mewujudkan 'barisan tiruan' di kalangan mereka ialah untuk menipu rakyat.

Malah, Perdana Menteri percaya tindakan DAP keluar daripada pakatan pembangkang kelmarin juga sebagai satu helah parti itu untuk meraih sokongan pengundi pada pilihan raya Sarawak 27 September ini.

DAP, katanya sebelum ini bersama tiga lagi parti pembangkang iaitu Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Pas dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) sebenarnya bukan di bawah barisan alternatif (BA) tetapi 'barisan tiruan'.

"Mereka bekerjasama untuk menipu rakyat kononnya (konsep) macam Barisan Nasional (BN), tapi lihat mereka tak kekal lama. Baru-baru ini DAP menarik diri dari 'barisan tiruan' kerana mereka tak dapat lagi menipu rakyat.

"Kononnya mereka alternatif BN. Mereka ini bukan alternatif tapi geng penipu, bukan saja menipu rakyat tapi juga menipu sesama mereka (empat parti dalam BA). Parti Pas menipu Keadilan, DAP tipu Parti Sosialis, tipu semua. Ini barisan penipu dan rakyat tak harus percayakan mereka. Mereka tak bawa kemajuan pada rakyat," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Semop di sini hari ini.

Kelmarin DAP mengisytiharkan keluar daripada pakatan pembangkang berikutan kegagalan rundingan dengan Pas untuk menyelesaikan isu penubuhan negara Islam.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat tergepar jawatankuasa eksekutif pusat (CEC) di Kuala Lumpur yang mendapat sokongan 13 undi, dua menentang dan tiga berkecuali.

Pengerusi DAP, Lim Kit Siang kini berada di Sib

bagi membantu jentera pilihan raya DAP terutama bagi mempertahankan kerusi Bukit Assek dan Pelawan.

Perdana Menteri memberitahu, hakikatnya BN yang mencipta kerjasama antara parti bagi membolehkan wakil rakyat yang dipilih itu mewakili setiap kaum seterusnya rakyat berbilang bangsa di negara ini turut bekerjasama antara satu sama lain.

"Inilah konsep BN yang mencipta kerjasama antara parti dan kaum sebab kerjasama kita jujur dan ikhlas antara parti-parti komponen BN, maka negara bukan saja aman tapi pembangunan di negara kita bertambah pesat," ujarnya.

Kata beliau, disebabkan kejayaan BN di bawah konsep kerjasama itulah telah mendorong parti pembangkang cuba meniru konsep kerjasama ala BN semata-mata untuk menipu rakyat.

Dalam ucapannya Perdana Menteri turut menarik perhatian, rakyat negara

ini harus bersyukur dan berbangga kerana sejak merdeka lagi telah memperlihatkan suasana keamanan luar biasa yang tidak berlaku di negara lain yang berbilang kaum.

"Biasanya negara-negara yang penduduknya pelbagai kaum akan berlaku rusuhan, antiagama dan biasanya tiada keamanan, tapi Malaysia tiada rusuhan kaum dan agama sebaliknya rakyat negara ini hidup rukun damai, aman dan harmoni.

Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia aman disebabkan corak pemerintahannya yang tersendiri dengan berfungsi supaya semua kaum mengambil bahagian dalam pemerintahan negara ini.

"Kerajaan terdiri daripada anggota semua kaum, maka kaum masing-masing dapat merasakan mereka mempunyai wakil dalam kerajaan, mereka ada hak yang sama dalam kerajaan," ujar Perdana Menteri.